



**HALA TUJU MALAYSIA UNTUK KELUAR
DARIPADA KEMELUT PANDEMIK COVID-19
DENGAN SELAMAT**



**Malaysia
MENANG
BERSAMA**

#menangbersama

Pelan Pemulihan Negara

Pelan Pemulihan Negara (PPN) merupakan pelan hala tuju untuk mengawal pandemik COVID-19 dan membolehkan pembukaan semula negara secara progresif, berlandaskan

5 ciri-ciri utama berikut:

ia adalah sebuah pelan ke hadapan yang mengimbangi perlindungan nyawa dan kelangsungan hidup

ia akan kekal dinamik dan sentiasa dikemas kini melalui portal PPN agar strategi menangani pandemik boleh disesuaikan dengan penemuan bukti saintifik terkini

ia memberi ketelusan dan kejelasan berhubung faktor-faktor yang diambil kira dalam membuat keputusan serta langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan ke arah pemulihan

ia mengambil pendekatan Seluruh Negara dalam menggembelng usaha pelbagai pihak termasuk sektor awam, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan yang paling penting segenap lapisan rakyat

ia menyediakan asas bagi Kerajaan untuk memantau dan menjejaki kemajuan pelaksanaan

PPN adalah langkah keempat dalam Strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R untuk memerangi pandemik ini: Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, **Pemulihan**, Memperkasa dan Menyusun Semula. Ia akan diintegrasikan sepenuhnya dengan inisiatif **Memperkasa** di bawah Bajet 2022 dan inisiatif **Menyusun Semula** di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.



KONSEP BENANG DAN ANYAMAN

Selembar benang mungkin kuat.

Tetapi tidak sekuat dan sekukuh beberapa lembar benang yang dijalinan bersama.

Dalam 64 tahun kita sebagai satu negara, asas negara sentiasa berteraskan perpaduan dalam kepelbagaian

Dalam waktu yang mencabar ini, kita memerlukan kekuatan ramai.

Bersatu untuk Malaysia.

Kita memerlukan kekuatan bersama, kerana 34 juta rakyat Malaysia memerlukan kita kukuh.

Demi kita semua.
Demi masa depan kita.
Demi negara tercinta.
Ayuh bersatu, untuk menang bersama.

#menangbersama #strongertogether

Pelan Pemulihan Negara mengambil pendekatan Seluruh Negara untuk merancang dalam persekitaran baharu yang tidak menentu. Pelan dan langkah-langkah yang terkandung di dalamnya akan dikemas kini secara progresif berdasarkan bukti saintifik terkini mengikut keadaan semasa dan penilaian ke atas perancangan pelbagai senario.

Portal PPN telah diwujudkan sebagai platform bersepadu bagi semua langkah pengurusan pandemik yang sedang dilaksanakan Kerajaan termasuk Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini, pakej bantuan dan lain-lain maklumat yang berkaitan untuk rakyat dan perniagaan.

Laporan rasmi PPN dan kemas kini berikutnya boleh didapati di:



<https://www.pelanpemulihannegara.gov.my>

Empat fasa Pelan Pemulihan Negara bagi pelonggaran sekatan

PPN ini merupakan pelan empat fasa bagi negara untuk melonggarkan sekatan secepat dan seadil mungkin di samping mencapai lima objektif PPN. Sebelum memutuskan untuk negeri tertentu beralih ke fasa seterusnya, Kerajaan akan mengkaji secara komprehensif Gambaran Operasi Umum untuk menilai risiko secara holistik. Tiga indikator utama yang digunakan akan menunjukkan kemajuan tahap pencapaian objektif PPN.

Tiga Indikator Utama	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4
Kadar vaksinasi % populasi yang layak vaksinasi penuh	10%	40%	60%	
Kes baharu harian Purata 7-hari	< 4,000	< 2,000	< 500	
Penggunaan ICU % kapasiti katil ICU	Sederhana	Mencukupi	Mencukupi	
		Seperti Fasa 1 dengan penambahan berikut	Seperti Fasa 2 dengan penambahan berikut	Seperti Fasa 3 dengan penambahan berikut
Aktiviti sosial, komuniti & keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> Joging di kawasan terbuka Majlis perkahwinan dan pengebumian (10 orang) Aktiviti ibadah* Tiada perkumpulan sosial 		<ul style="list-style-type: none"> Semua jenis sukan Penerimaan tetamu dibenarkan* Majlis perkahwinan dan pengebumian* 	<ul style="list-style-type: none"> Perkumpulan sosial* Aktiviti kumpulan ibadat mengikut kapasiti tempat
Pendidikan dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> Sekolah ditutup Sesi pembelajaran bersemuka di IPT dibenarkan dalam keadaan tertentu 	<ul style="list-style-type: none"> Sesi pembelajaran bersemuka di sekolah dan IPT dibenarkan bagi pelajar yang menduduki peperiksaan 	<ul style="list-style-type: none"> Tadika dan taska dibenarkan beroperasi Sekolah dan IPT dibuka secara berperingkat 	
Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan perlu (essential)* Restoran beroperasi secara bawa pulang Pasar harian dengan masa terhad 	<ul style="list-style-type: none"> Senarai sektor yang dibenarkan beroperasi diperluas dengan had kapasiti yang lebih tinggi bagi sektor terpilih* 	<ul style="list-style-type: none"> Semua sektor dibenarkan beroperasi kecuali sektor berisiko tinggi* Dine-in dibenarkan (2 orang semeja)* Pasar malam dan pasar minggu dengan pematuan SOP 	<ul style="list-style-type: none"> Semua sektor dibenarkan beroperasi Dine-in dengan pematuan SOP* Persembahan siaran langsung*
Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan asas sahaja, 10km radius dan terhad kepada 2 orang Tiada rentas negeri dan daerah 		<ul style="list-style-type: none"> Perjalanan dalam negeri tertakluk kepada jumlah kumpulan yang terhad 	<ul style="list-style-type: none"> Pelancongan domestik Pelancongan antarabangsa (bergantung kepada negara tertentu)

* Pembukaan bergantung kepada had kapasiti

Nota: Untuk perincian, sila rujuk SOP MKN

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

- ✓ Langkah-langkah bersasar untuk meningkatkan kawalan terhadap penularan virus di kawasan berisiko tinggi
- ✓ Boleh dilaksanakan tanpa mengikut fasa bagi menyasarkan kluster tertentu dalam sesebuah negeri

Memandang ke hadapan:

Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah berikut untuk terus menyesuaikan pendekatan fasa berdasarkan bukti saintifik terkini

- ✓ **Perubahan nilai ambang**
Dengan peningkatan kadar vaksinasi, fokus nilai ambang beralih kepada pemantauan jumlah kemasukan ke hospital dan kadar kematian
- ✓ **Keistimewaan divaksin**
Sekatan dilonggarkan lebih awal bagi mereka yang telah divaksin sepenuhnya

Memperkuh respons penjagaan kesihatan

Sistem penjagaan kesihatan akan diperkuh berteraskan tiga tonggak: memutuskan rantai jangkitan; mengurangkan morbiditi dan kematian; serta mengekalkan sokongan yang mencukupi untuk keperluan bukan COVID-19. Penekanan utama termasuk:



Memperluas usaha ujian saringan sendiri melalui penyediaan lebih banyak saluran ujian kepada individu dan majikan. Setakat Julai 2021, lima kit ujian sendiri COVID-19 telah diluluskan



Mempercepat pengesanan kontak rapat untuk pengasingan melalui pendekatan berteraskan teknologi dan data mobiliti



Memperkuh sokongan kepada mereka yang menjalani kuarantin di rumah melalui lawatan Pengamal Perubatan Am (GP), talian sokongan dan alat pemantauan sendiri



Melonjak sokongan bagi ujian, vaksinasi dan kapasiti hospital di Greater Klang Valley dengan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta



Mempercepat proses membawa masuk ubat baharu bagi memendekkan masa pemulihan

Pasukan Petugas Khas Greater Klang Valley (GKVSTF)

Pasukan Petugas Khas Greater Klang Valley (GKVSTF) ditubuhkan pada 8 Julai 2021 bagi menangani situasi yang meruncing dan kritikal akibat penularan kes COVID-19 di Lembah Klang dan sebahagian di Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Pasukan Petugas Khas ini akan memberi fokus kepada usaha menggerakkan dan melaksanakan 7 tindakan utama

1 Meningkatkan keupayaan ICU dan katil hospital melalui kerjasama yang lebih baik di antara sektor kesihatan awam dan swasta

2 Memperkuh sistem FTTIS (Mencari, Menjejaki, Menguji, Pengasingan dan Sokongan)

3 Mengurangkan kemasukan ke hospital dan kematian dengan mengukuhkan sokongan dan pemantauan bagi kes-kes pengasingan di rumah

4 Menambah bekalan ubatan, silinder oksigen, ventilator dan kelengkapan pakai buang

5 Memulih semula sokongan dan memotivasi petugas barisan hadapan melalui penempatan baharu dan peningkatan kapasiti

6 Memberi dos pertama vaksin kepada 100% orang dewasa yang layak menjelang 1 Ogos 2021

7 Menyemarakkan semula komunikasi awam dan libat urus bagi menyokong pengasingan di rumah dan capaian program vaksin

Mengimunisasi Rakyat

Vaksinasi merupakan kunci utama pembukaan semula negara. Antara strategi imunisasi COVID-19 negara termasuk memastikan keselamatan dan keberkesanan vaksin, mempercepatkan pemberian vaksin dan mengutamakan penerima mengikut risiko kesihatan.

79.9 juta dos vaksin telah diperolehi

Oktober 2021
Sasaran 100% populasi yang layak telah divaksinasi¹

81% daripada populasi yang layak telah berdaftar²


400,000 dos sehari, kadar terpanjang per kapita¹ di dunia

Pengawasan Genomik oleh IMR bagi menilai imuniti yang terbentuk dalam komuniti

Pengeluaran vaksin tempatan sedang dikaji di bawah Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Nasional

¹ tertakluk kepada individu yang layak dan berdaftar untuk divaksinasi
² pada 18 Julai 2021

Garis masa vaksinasi kepada populasi yang layak mengikut negeri



Membantu Rakyat dan Perniagaan

Untuk mengatasi kesan pandemik terhadap rakyat dan perniagaan, Kerajaan telah mengumumkan lapan pakej rangsangan ekonomi dengan fokus melindungi nyawa dan kelangsungan kehidupan. Ciri-ciri utama pakej Kerajaan terbaharu yang diumumkan iaitu PEMULIH bernilai RM150 bilion antaranya adalah seperti berikut:

	Rakyat	Perniagaan	
Bantuan Secara Tunai	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Khas COVID-19 (BKC) Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) tambahan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) Bantuan Khas OKU 	<ul style="list-style-type: none"> Program Subsidi Upah 4.0 (PSU 4.0) Geran Khas Prihatin 4.0 (GKP 4.0) Program Penjaja Kerjaya 3.0 Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) 	<p>Bantuan di bawah PEMULIH melengkap dan menyokong langkah-langkah di bawah pakej rangsangan ekonomi terdahulu yang akan terus dilaksanakan dalam separuh tahun kedua 2021. Ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Subsidi Internet atau pembelian peranti baharu di bawah Jaringan Prihatin Pembelian barang makanan asas di bawah MyKasih Inisiatif pekerjaan di bawah program Penjaja Kerjaya
Bantuan Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Moratorium pinjaman i-Citra Penangguhan bayaran premium insurans dan sumbangan takaful Penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Moratorium pinjaman Pembiayaan mikrokredit Dana kepada usahawan PKS Skim Jaminan Kerajaan Program Jaringan Inisiatif Umum (JITU) Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi (PIPEK) 	
Bantuan lain	<ul style="list-style-type: none"> Program Bantuan Bakul Makanan Perkhidmatan bantuan kesihatan mental Diskaun bil elektrik Data Internet 1GB percuma 	<ul style="list-style-type: none"> Penangguhan cukai, pengecualian dan pelepasan kadar sewa Bantuan bersasar kepada sektor yang terjejas teruk seperti sektor kreatif, sukan, pelancongan serta perkhidmatan seperti pengusaha kantin, spa dan refleksiologi. 	

<p>Ilustrasi berhubung jenis bantuan kepada rakyat dan perniagaan yang bakal diperolehi:</p> <p><i>Nota: Contoh diberikan adalah ilustrasi semata-mata dan tidak merangkumi keseluruhan bantuan yang diberikan</i></p>	<p>Aisyah, ibu tunggal berumur 35 tahun dengan dua orang anak, telah kehilangan pekerjaan sebagai pembantu rumah lima bulan lalu. Pendapatan isi rumah beliau adalah RM1,000 sebulan.</p> <table> <tr> <th>Sokongan untuk Aisyah</th><th>ST1 2021</th><th>ST2 2021</th></tr> <tr> <td>Bantuan Tunai</td><td>RM3,000</td><td>RM6,500</td></tr> <tr> <td>Pelbagai bantuan tunai terus</td><td>RM1,200</td><td>RM3,700</td></tr> <tr> <td>Skim Insurans Pekerjaan (SIP)/ Elaun Mencari Pekerjaan</td><td>-</td><td>RM1,000</td></tr> <tr> <td>Bantuan untuk anak-anak keluarga miskin</td><td>RM1,800</td><td>RM1,800</td></tr> <tr> <td>Bantuan-Bantuan Lain</td><td>RM100</td><td>RM810</td></tr> <tr> <td>Diskaun bil elektrik</td><td>-</td><td>RM60</td></tr> <tr> <td>Program Bantuan Bakul Makanan</td><td>RM100</td><td>RM450</td></tr> <tr> <td>Jaringan Prihatin</td><td>-</td><td>RM300</td></tr> </table> <p>*ST: Setengah Tahun</p>	Sokongan untuk Aisyah	ST1 2021	ST2 2021	Bantuan Tunai	RM3,000	RM6,500	Pelbagai bantuan tunai terus	RM1,200	RM3,700	Skim Insurans Pekerjaan (SIP)/ Elaun Mencari Pekerjaan	-	RM1,000	Bantuan untuk anak-anak keluarga miskin	RM1,800	RM1,800	Bantuan-Bantuan Lain	RM100	RM810	Diskaun bil elektrik	-	RM60	Program Bantuan Bakul Makanan	RM100	RM450	Jaringan Prihatin	-	RM300	<p>Burger Sedap Enterprise ialah syarikat PKS makanan segera dan sejuk beku dengan 4 orang pekerja. Jumlah pendapatan tahunan sebanyak RM200,000 dan menyewa premis MARA.</p> <table> <tr> <th>Sokongan untuk Burger Sedap Enterprise</th><th>ST1 2021</th><th>ST2 2021</th></tr> <tr> <td>Bantuan Tunai</td><td>RM2,000</td><td>RM1,500</td></tr> <tr> <td>Geran Khas Prihatin (GKP) Tambahan</td><td>RM1,000</td><td></td></tr> <tr> <td>Geran Khas Prihatin 3.0</td><td>RM1,000</td><td>RM500</td></tr> <tr> <td>Geran Khas Prihatin 4.0</td><td></td><td>RM1,000</td></tr> <tr> <td>Bantuan Lain</td><td>RM33,600</td><td>RM41,171</td></tr> <tr> <td>Diskaun bil elektrik</td><td>-</td><td>RM71</td></tr> <tr> <td>Penangguhan bayaran sewa premis</td><td>-</td><td>RM7,500</td></tr> <tr> <td>Moratorium pinjaman</td><td>RM24,000</td><td>RM24,000</td></tr> <tr> <td>Program Subsidi Upah</td><td>RM9,600</td><td>RM9,600</td></tr> </table>	Sokongan untuk Burger Sedap Enterprise	ST1 2021	ST2 2021	Bantuan Tunai	RM2,000	RM1,500	Geran Khas Prihatin (GKP) Tambahan	RM1,000		Geran Khas Prihatin 3.0	RM1,000	RM500	Geran Khas Prihatin 4.0		RM1,000	Bantuan Lain	RM33,600	RM41,171	Diskaun bil elektrik	-	RM71	Penangguhan bayaran sewa premis	-	RM7,500	Moratorium pinjaman	RM24,000	RM24,000	Program Subsidi Upah	RM9,600	RM9,600
Sokongan untuk Aisyah	ST1 2021	ST2 2021																																																									
Bantuan Tunai	RM3,000	RM6,500																																																									
Pelbagai bantuan tunai terus	RM1,200	RM3,700																																																									
Skim Insurans Pekerjaan (SIP)/ Elaun Mencari Pekerjaan	-	RM1,000																																																									
Bantuan untuk anak-anak keluarga miskin	RM1,800	RM1,800																																																									
Bantuan-Bantuan Lain	RM100	RM810																																																									
Diskaun bil elektrik	-	RM60																																																									
Program Bantuan Bakul Makanan	RM100	RM450																																																									
Jaringan Prihatin	-	RM300																																																									
Sokongan untuk Burger Sedap Enterprise	ST1 2021	ST2 2021																																																									
Bantuan Tunai	RM2,000	RM1,500																																																									
Geran Khas Prihatin (GKP) Tambahan	RM1,000																																																										
Geran Khas Prihatin 3.0	RM1,000	RM500																																																									
Geran Khas Prihatin 4.0		RM1,000																																																									
Bantuan Lain	RM33,600	RM41,171																																																									
Diskaun bil elektrik	-	RM71																																																									
Penangguhan bayaran sewa premis	-	RM7,500																																																									
Moratorium pinjaman	RM24,000	RM24,000																																																									
Program Subsidi Upah	RM9,600	RM9,600																																																									

Pendekatan Seluruh Negara

Kejayaan pelaksanaan pelan tindakan ini akan memerlukan pendekatan Seluruh Negara yang menyaksikan penjawat awam, petugas barisan hadapan, pekerja di belakang tabir, anggota keselamatan awam, sukarelawan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat bekerjasama dalam menguruskan COVID-19. Kerjasama adalah kritikal bagi setiap elemen PPN - daripada menggerakkan penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk menambah lonjakan kapasiti dalam kawasan krisis, meningkatkan ujian saringan secara besar-besaran, memacu pendaftaran dan kadar vaksinasi serta menyantuni segmen masyarakat yang paling memerlukan bantuan dalam tempoh sukar ini.

Pendekatan Seluruh Negara ini akan diterajui oleh sebuah badan penyelaras baharu iaitu Majlis Pemulihan Negara (MPN). Bagi memastikan keputusan diambil berdasarkan maklumat yang sama oleh semua pihak yang terlibat dalam tindak balas pandemik, satu Gambaran Operasi Umum yang melibatkan lima objektif PPN akan digunakan.



Melindungi kesihatan awam dengan menguruskan jangkitan, meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian

- Kes-kes baharu**
- Kadar kes
- Jangkitan, nilai R
- Kadar kemasukan ke hospital
- Kadar kematian



Memastikan sistem penjagaan kesihatan mampu bertahan secara mampan

- Penggunaan ICU**
- Penggunaan katil
- Keupayaan petugas kesihatan
- Ujian saringan harian
- Kadar positifiti



Mempercepatkan vaksinasi untuk melindungi rakyat

- Kadar vaksinasi (divaksin sepenuhnya)**
- Kadar vaksinasi (1 dos)
- Kadar pendaftaran
- Inventori harian



Membuka semula ekonomi dan sektor sosial secepat dan seadil mungkin

- Pewujudan peluang pekerjaan dan pengurangan pengangguran
- Penggalangan dan pembentukan syarikat
- Keyakinan pengguna
- Indikator kesihatan mental



Menjadi responsif dan fleksibel terhadap persekitaran yang sentiasa berubah

- Peraturan jangkitan oleh varian yang membimbangkan
- Bukti baharu saintifik dan pendekatan antarabangsa

** = Indikator utama bagi nilai ambang

Hidup dengan COVID-19

Terdapat kata sepakat yang meningkat dalam kalangan komuniti saintifik bahawa COVID-19 tidak akan dapat dibasmi dalam tempoh terdekat dan akan terus tersebar di seluruh dunia sebagai satu endemik. Kerajaan sedang mengkaji beberapa pilihan bagi menangani COVID-19 sebagai satu endemik, termasuk langkah-langkah seperti berikut:

- ✓ Meneruskan pemantauan epidemiologi
- ✓ Meneruskan ujian bersasar dan pengasingan bagi mengekang penularan
- ✓ Menggunakan vaksin penggalak atau program vaksinasi lebih setahun
- ✓ Menguruskan kes *Long COVID-19* yang mana bekas pesakit masih mengalami gejala
- ✓ Melazimkan amalan kesihatan awam seperti penggunaan pelitup muka, penjagaan kebersihan diri dan pengudaraan untuk isi rumah, perniagaan dan industri
- ✓ Meningkatkan penyelidikan dan pengeluaran vaksin tempatan
- ✓ Menerima pakai garis panduan pengudaraan baharu

Ke Arah Ketahanan dan Penyusunan Semula

Pada ketika negara sedang pulih daripada krisis yang tidak pernah terjadi sebelumnya, adalah penting untuk negara kembali dengan penuh kekuatan. Justeru, Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 akan merumuskan strategi- strategi bagi merancakkan semula ekonomi dalam jangka masa pendek dan menstrukturkan semula ekonomi dalam jangka masa sederhana.



Sudah hampir 18 bulan Malaysia berjuang menangani pandemik ini dan kita semakin kelesuan, lebih-lebih lagi para petugas kesihatan barisan hadapan.

COVID-19 telah menggugat kehidupan setiap lapisan masyarakat. Petugas barisan hadapan negara kelesuan. Ramai yang telah kehilangan mereka yang tersayang dan ramai lagi yang bertarung untuk kelangsungan hidup. Sebahagian negara masih dalam krisis ini di mana langkah-langkah perit tetapi perlu, terpaksa diambil untuk mengawal pandemik.

Namun begitu, masih ada sinar harapan. Malaysia mempunyai kadar vaksinasi yang kedua tertinggi di Asia Tenggara hanya di belakang Singapura dan lebih daripada dua kali kadar vaksinasi berbanding Thailand dan Indonesia. Menjelang akhir Ogos 2021, dijangkakan lebih daripada separuh rakyat Malaysia yang layak menerima vaksin telah divaksin sepenuhnya. **Inilah langkah negara ke arah pemulihan.**

Setakat Julai 2021, lapan negeri di Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 13 juta telah berada di Fasa 2 dan negeri-negeri lain akan turut sama mengorak langkah ke fasa ini. Kerajaan akan terus komited untuk menyokong rakyat serta perniagaan dalam mendepani situasi yang sukar ini. Selagi sektor ekonomi dan sosial belum dibuka sepenuhnya, Kerajaan akan menyediakan sokongan untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat dan perniagaan. Di sebalik krisis ini, kita berpeluang untuk membina semula negara dengan lebih baik ke arah visi negara yang lebih bersatu, mampan dan makmur.

#menangbersama